



## KENYATAAN AKHBAR MENTERI KANAN PERTAHANAN

### MENGENAI PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) HARI KE-133 DAN HARI KE-47 PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

#### **Task Force Operasi Pematuhan**

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat 66,463 pemeriksaan semalam (27 Julai 2020) bagi memantau dan menguatkuasa pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Sebanyak 3,363 Pasukan Pematuhan yang melibatkan 14,142 anggota telah membuat pemantauan di 4,230 pasar raya, 5,883 restoran serta 1,508 penjaja, 1,398 kilang, 3,720 bank dan 835 pejabat kerajaan. Juga dipantau, sebanyak 1,390 terminal pengangkutan darat, 379 terminal pengangkutan air serta 121 terminal pengangkutan udara.

Semalam (27 Julai 2020), PDRM telah menahan 210 individu atas kesalahan ingkar arahan PKP. Daripada jumlah itu, seramai 10 individu telah direman manakala 1 individu dijamin. 199 individu pula dikenakan kompaun. Antara kesalahan ingkar arahan PKP termasuk aktiviti pub dan kelab malam (72) dan aktiviti yang tidak mengikut SOP (138).

#### **Kawalan Sempadan Negara**

Operasi Benteng yang melibatkan PDRM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) mengawal ketat sempadan negara secara bersepadu daripada dibolosi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) bagi mengekang jenayah rentas sempadan selain menyekat penularan wabak COVID-19.

Semalam (27 Julai 2020), PDRM telah membuat 74 Sekatan Jalan Raya Operasi Benteng di seluruh negara dan memeriksa 37,281 kenderaan bagi mengekang kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) terutamanya di lorong-lorong tikus. PDRM telah berjaya menahan 1 warganegara asing atas kesalahan imigresen.

Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba memasuki sempadan negara secara haram dan agensi-agensi penguatkuasa akan terus mengetatkan kawalan kawasan sempadan terutamanya di lorong-lorong tikus.

---

## **Operasi Sanitasi Awam COVID-19**

Ops Sanitasi Awam di bawah kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sejak 30 Mac 2020 telah melakukan 9,406 operasi sanitasi merangkumi 134 zon. Sebanyak 12,750 premis telah disanitasi yang terdiri daripada 2,688 pusat perniagaan, 5,587 bangunan kerajaan, 1,591 kawasan perumahan termasuk PPR, 2,530 tempat awam dan 354 pasar raya.

Semalam (27 Julai 2020), sebanyak 15 operasi sanitasi meliputi 13 Zon termasuk 3 Zon Kuning yang melibatkan 6 buah negeri antaranya Sabah (7 operasi), Sarawak (3 operasi) dan Selangor (2 operasi). Operasi sanitasi ini melibatkan 70 anggota dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta 116 anggota Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi lain. 6 jentera JBPM turut terlibat dalam Operasi Sanitasi Awam.

## **Kuarantin Wajib**

Bermula 24 Julai 2020, Kerajaan telah memutuskan supaya semua rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara dan warganegara asing yang dibenarkan masuk ke Malaysia perlu menjalani perintah kuarantin wajib 14 hari di Stesen Kuarantin yang ditetapkan Kerajaan. Mereka yang terlibat perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin termasuk kos ujian saringan COVID-19.

Jumlah anggaran kos yang terlibat bagi setiap individu yang dikuarantin wajib 14 hari di Stesen Kuarantin adalah RM4,700. Bagi rakyat Malaysia, mereka perlu membayar maksimum RM2,100 (44.7 peratus) untuk caj bilik hotel dan makan 3 kali sehari. Kerajaan pula menanggung baki kos RM2,600 (55.3 peratus) termasuk kos pengangkutan dari Pintu Masuk Sempadan ke Stesen Kuarantin, kos makan minum serta peralatan PPE petugas kesihatan, keselamatan dan sekretariat serta kos pembersihan dan *decontamination* di Stesen Kuarantin.

Sejak 24 Julai sehingga 27 Julai 2020, seramai 1,631 individu telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa dan kesemua telah ditempatkan di 9 Stesen Kuarantin di Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Johor. Mereka telah pulang dari 22 negara iaitu Filipina, Thailand, Indonesia, Singapura, Vietnam, Brunei, Qatar, Pakistan, Arab Saudi, Hong Kong, India, UAE, Jepun, Turki, Korea Selatan, Iran, Bangladesh, Taiwan, China, UK, Belanda & Australia.

Semalam (27 Julai 2020), PDRM telah melakukan 1,776 pemeriksaan terhadap individu yang sedang menjalankan kuarantin wajib 14 hari di kediaman masing-masing. PDRM bersama petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan sentiasa membuat pemeriksaan dan pemantauan terhadap individu-individu teabit bagi memastikan SOP dipatuhi.

---

## **Barang Keperluan Asas**

Semalam (27 Julai 2020), Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah membuat pemantauan harian ke atas 12 jenis bekalan barangan di 820 premis perniagaan termasuk peruncit (606), pemborong (184) dan pengilang (30). Secara keseluruhan bekalan barangan keperluan mencukupi dan mampu menampung keperluan dalam negara yang berterusan dan mudah diperolehi.

Pegawai penguatkuasa KPDNEHP juga telah melakukan 1,730 pemeriksaan khas Pematuhan SOP PKPP dan mendapati 1,653 premis mematuhi SOP yang ditetapkan manakala 77 premis diberi nasihat.

Sejak 13 Mei 2020, sebanyak 137,311 premis telah diperiksa oleh KPDNHEP dan daripada jumlah itu 131,290 premis didapati patuh kepada SOP manakala 5,718 premis telah diberi nasihat. Sebanyak 303 premis pula telah diberi amaran kerana tidak patuh SOP.

Dalam tempoh PKPP ini, Kerajaan ingin menggesa pengusaha dan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan kawalan sendiri termasuk penjarakan sosial dan kebersihan diri terutamanya dalam aktiviti jual beli barangan keperluan harian.

## **Tapak Binaan**

Semalam (27 Julai 2020), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah membuat pemeriksaan di 32 tapak binaan di seluruh negara yang melibatkan 78 penguatkuasa. Daripada jumlah itu, pemeriksaan CIDB telah mendapati 30 tapak binaan telah patuh SOP yang ditetapkan manakala 2 tapak binaan diberi nasihat kerana tidak patuh SOP.

Dari 20 April sehingga 27 Julai 2020, jumlah kumulatif tapak binaan yang mematuhi SOP adalah 3,479 tapak binaan manakala 568 tapak binaan lagi tidak patuh SOP dan diberi amaran. Penguatkuasa CIDB turut mengarahkan 19 tapak binaan untuk tutup kerana tidak mematuhi SOP.

**YB DATUK SERI ISMAIL SABRI YAAKOB**

**MENTERI KANAN PERTAHANAN**

**28 Julai 2020**